



**fire
starter**

PAMERAN KARYA PELAJAR TAHUN SATU
FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

fire
starter

fire starter



**PAMERAN KARYA PELAJAR TAHUN SATU
FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

Published by:

Penerbit Universiti Malaysia Kelantan

for

**Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan
Universiti Malaysia Kelantan**

HALAMAN KREDIT

Editor

Haris Abadi bin Abdul Rahim
Nor Hamizah binti Abdul Hamid
Muhamad Ezran bin Zainal Abdullah
Mohd Hafiz bin Drahman
Mohd Firdaus bin Mohd Herrow
Mohd Firuz bin Mohd Anwar
Abdullah Al Rashid bin Ab Hamid
Mohd Azmeer bin Abdul Moin
Nor Sofiatul Akma binti Jamaludin
Juliza binti Mohamad

Pereka Kulit

Muhamad Ezran bin Zainal Abdullah

Penyunting Grafik

Mohd Hafiz bin Drahman
Nor Hamizah binti Abdul Hamid

Jurufoto

Mohd Firdaus bin Mohd Herrow

Penyumbang

Afifah Nadia bt Zainuddin
Aiman bin Raside
Azamuddin Bin Buang
Boo Xin Yi
Carylleo Bin Francis
Chan Kar Mee
Chan Sue Ying
Ching Poh Hui
Choong Koon Seng
Datu Sarijul Bin Datu
Dilclint bin Jahiya@Jahya
Dzulhilmi bin Mohammad Halil
Eric Tang Siong Jeong
Fatimah Binti Roslan
Fatin Fasarah
Hanis Humairah Binti Osman
Hazim bin Zainal Abidin
Hephzibah a/p Kumaran
Intan Syafinaz binti Amran
Kweh Zi Jian
Law Mei Hui
Lim May Lee
Lim Phing Xin
Mohamad Aimy Zamir Bin Rosly
Mohamad Khairul Firdaus Bin Ya
Mohamad Shamir Fikri bin Mohd
Salleh
Mohamad Syafiq bin Mat Shuki
Mohammad Amirul Naim Suhaidi
Mohd Aizat bin Azmi

HALAMAN KREDIT

Mohd Azam bin Abd Rahman
Mohd Fatin bin Mohd Radzi
Mohd Ikram Syafik
Mohd Iskandar Zulkarnain bin
Zainudzin

Mohd Nazmi bin Yaacob
Mohd Nidzam Roslan

Mohd Wafiy bin Subehi
Muhamad Johari bin Abdul
Rahman

Muhamad Norhafifi bin Basri
Muhammad Al Husna Hamdan
Muhammad Luqman Hakim
bin Che Seman

Muhammad Ridzuan Abdul
Kadir

Muhammad Sabri bin Jali
Muhammad Safuan Aswadi
bin Rajab

Noor Rashidah bt Saidi
Nor Aishah binti Mailan

Nor Farida binti Jaafar
Nor Izzati Fatin bt Mohd Nor
Nor Zahirah Bt Md Hosni

Nur Aqib bin Hamid
Nur Farahanum binti Ridzuan
Nur Nabilah Naser

Nur Syahidatul Asyikin binti
Mohd Ruslim
Nur Syahieda binti Mahyudin

Nur Syairah bt Kamarozaman

Nurairfani binti Bustamam

Nurul Ain bt Abd Ghaffar

Nurul Ain bt Ahmad

Nurul Faezah Binti Rosli

Nurul Fatin Fatma Binti
Shamshudin

Nurul Hanis Hasmiera

Nurul Nadia Binti A Razak

Nurul Suhaila Binti Jaafar

Nurul Syarmimi binti Ahmad

Ong Chin Lu

Shafirul Azri Mohd Raffi

Siti Nur Syazwani binti Johar
Ahmad

Siti Sarah binti Abdul Halim

Teh Swee Ting

Umi Solehah binti Seliken

Wan Izzati Bt Wan Zahari

Wan Mohamad Irham bin
Wan Chek

HALAMAN MUKA SURAT

Belakang Parang Di Asah Lagikan Tajam	1
Elemen-elemen Seni	9
Prinsip-prinsip Rekabentuk	13
Da Vinci dan Lukisannya	15
Spray it Like Banksy!	29
Tekstur dan Kolaj	39
Relief	57
Headgear	69
Warna	83
Pembayang	97



Bauh Ketapang





1. BELAKANG PARANG DIASAH LAGIKAN TAJAM

OLEH : HARIS ABADI

Melihat kembali pengalaman di dalam kelas Lukisan CFT 1016 di awal semester, antara alasan pelajar terhadap tugas-tugas awal adalah "saya tidak pandai melukis" ataupun "saya tiada bakat". Alasan ini sebenarnya sudah menjadi kebiasaan di telinga pensyarah-pensyarah FTKW memandangkan pelajar tahun satu di fakulti ini biasanya datang dari pelbagai latarbelakang yang berbeza. Pemahaman mengenai 'sebuah lukisan yang baik' sentiasa disalahtafsir oleh masyarakat umum dan pelajar khususnya, sebagai satu lukisan yang lengkap, siap, bersifat representasi secara linear, atau sama dengan representasi luarannya. Seniman Negara Dato' Syed Ahmad Jamal menafsir lukisan sebagai "bukan saja proses fisio-mekanikal imajen sejajar(linear), tetapi juga niat seorang pelukis, motivasi emosinya, suasana spiritualnya dan proses pemahaman intelektualnya".(1) Pernyataan ini dihurai oleh Hasnul Jamal Saidon yang menyatakan bahawa proses melukis melibatkan kedua-dua fungsi otak sebelah kiri dan kanan serta menggabungkan ketiga-tiga aspek psikomotor, kognitif dan afektif. (2) Berdasarkan pepatah orang tua 'belakang parang diasah lagikan tajam', cabaran untuk 'mengasah' pemahaman pelajar sentiasa disambut dengan baik oleh para pensyarah, dengan menyediakan pendekatan yang terbaik dalam proses pembelajaran dan pengajaran.

Dalam studio lukisan, pelajar telah diberitahu bahawa kemahiran melukis sebenarnya mampu dikuasai melalui pemahaman yang baik. Pendedahan kepada elemen dan prinsip asas seni dan rekabentuk, inovasi-inovasi dalam lukisan dan rekaan, serta pemahaman estetik yang menyeluruh mampu memperkasakan kemahiran pelajar dalam subjek lukisan. Walaubagaimanapun kemahiran ini tidak mampu diperolehi tanpa latihan yang berterusan. Dalam konteks lukisan, latihan ini diukur melalui keinginan pelajar untuk mencuba dan bereksperimentasi secara bebas dan berani. Perihal ini boleh dikaitkan dengan pernyataan J.Anu bahawa "dalam banyak cara, tindakan melukis dapat membebaskan kita. Ia adalah langkah yang penting dalam proses penghasilan seni dalam mana amalannya mengizinkan pelukis untuk meluahkan diri tanpa diganggu oleh nilai kemas atau 'penyudah' seperti yang terdapat pada catan."(3) Namun kebebasan yang diterangkan adalah

Mengikuti Hasnul Jamal Saidon dalam Pameran 'In Between the Lines', beliau melihat terdapat 3 kecenderungan yang diamalkan dalam imbangan yang berbeza oleh para pelukis iaitu :

- i. Formalisme –Menjurus kepada persoalan luaran seperti bahan, bahantara, teknik, pemerhatian dan peniruan realiti luaran, gaya dan kemahiran tangan.
- ii. Ekspresionisme – Tertumpu kepada kualiti ekspresif, estetik, rakaman emosi dan realiti dalaman yang subjektif.
- iii. Konseptualisme- Menekankan pernyataan idea atau proses pemikiran. (4)


Aspek Formalisme adalah aspek yang paling ditegaskan, boleh dikatakan dalam kesemua projek yang telah dijalankan. Namun kecenderungan Ekspresionisme dan Konseptualisme biasanya boleh dikesan pada sestengah individu, berdasarkan keberanian meneroka, keyakinan menghasilkan garisan atau tanda-tanda yang berkualiti dan keinginan untuk membuat pilihan personal untuk menghasilkan karya. Projek 1 'Draw like Da Vinci', contohnya memberi penekanan kepada kemahiran pemerhatian dan peniruan dan aplikasi bahan dan bahantara. Pelajar akan dilatih menghasilkan satu komposisi lukisan menggunakan pen atau pensel di atas kertas yang telah di'kotor'kan dengan kesan bancuhan teh atau kopi – memberi satu efek 'vintage', bermain dengan keseronokan menghasilkan karya persis dokumen atau artifak lama. Namun projek ini secara keseluruhan menghasilkan karya yang baik dari pelajar, mungkin atas dasar eksplorasi bahan yang memberi peluang kepada pelajar untuk mencuba dan 'bermain' sambil belajar.

Satu lagi projek yang mendapat reaksi yang baik dari pelajar adalah projek 'Shape – Spray it like Banksy!'. Meminjam suara radikal pergerakan-pergerakan 'Street Artist', golongan artis visual kontemporari 'bawah tanah' yang menggunakan stensil sebagai medium ekspresi mereka - Projek ini memberi kefahaman mengenai elemen rupa (shape) melalui tona legap (opaque), kepentingan objek dan latar (figure and ground), positif dan negatif, melalui penerokaan diri sendiri. Pelajar diarahkan menghasilkan satu potret diri dalam warna hitam-putih menggunakan teknik stensil. Kemahiran menggunakan peralatan asas studio seperti box board, pisau, gam dan spray can diterapkan sebagai satu asas yang penting untuk menghadapi semester akan datang. Penggunaan subjek diri sendiri, dalam konsep autobiografi visual, adalah sebagai satu usaha untuk menambahkan keinginan pelajar untuk menghasilkan karya (yang difikir boleh dijadikan koleksi karya peribadi) untuk diri sendiri. Walaupun harus menguasai disiplin yang tinggi untuk menghasilkan karya, projek ini mendapat sambutan yang baik, sehingga ada pelajar yang menggunakan template stensil untuk menghasilkan imej potret diri di atas t-shirt .

Malah sebuah kelas di bawah penyeliaan encik Firuz telah menghasilkan potret ini sekali lagi ke atas dinding fakulti untuk diabadikan sebagai kenangan, atau mungkin sebagai satu inspirasi untuk pelajar. Dalam masa yang sama, Encik Azmeer telah memberi peluang kebebasan kepada pelajar-jarnya untuk meluahkan ekspresi masing-masing untuk menghasilkan kesan-kesan stensil yang lebih radikal di sekitar fakulti. Kebebasan ini tanpa disangka telah mendapat reaksi yang sangat menggalakkan dari pelajar sehingga kebanyakan dinding kosong di fakulti telah dipenuhi dengan imej-imej dan suara bebas dari pelajar. Walaupun beberapa karya telah dipadamkan atas dasar ketidaksesuaiannya, namun apa yang lebih penting, pelajar telah mendapat pendedahan yang baik sebagai nilai tambah pembelajaran.



Imej 2 : Karya stensil yang dibuat menggunakan cat semburan hitam pada dinding fakulti.



Imej 3 : Karya stensil bebas oleh pelajar di sekitar fakulti – Kebanyakannya menggambarkan ekspresi individu dan juga petikan ayat dari tokoh-tokoh 'Pop' dan politik terkenal.

Projek ke 3 'Animal and Texture' dan projek ke 4 'Relief Drawing' menuntut disiplin dan kemahiran yang tinggi dari pelajar. Meminjam semangat seni mixed-media, teknik collage yang diketengahkan oleh Picasso dan Braque, applikasi assemblage oleh tokoh-tokoh Dadaism, serta karya tokoh tempatan seperti Din Omar, Redza Piyadasa dan Zulkifli Yusof, beberapa teknik dan cara menghasilkan lukisan telah diperkenalkan kepada pelajar seperti penggunaan imej fotokopi yang diulang-ulang dari imej yang asli, teknik kolaj (projek 3) dan teknik assemblage (projek 4) yang menghasilkan imej semi 3 dimensi.